

1.0 MAKLUMAT UTAMA DANA**1.1 Konsep Syariah**

Wakalah Bil Istithmar

1.2 Mata wang Pelaburan

Ringgit Malaysia

1.3 Mula**Diperkenalkan**

15 April 2025

1.4 Klasifikasi Dana

Akaun Pelaburan Tidak Terhad merujuk kepada jenis akaun pelaburan yang mana pemegang akaun pelaburan (*Investment Account Holder (IAH)*) memberikan mandat kepada Bank untuk membuat keputusan muktamad bagi membuat pelaburan tanpa menetapkan sebarang sekatan atau syarat tertentu.

1.5 Gambaran Keseluruhan Produk

Pelaburan impak berdasarkan nilai ini direka untuk memperkukuhkan ekonomi yang positif terhadap alam sekitar dan memastikan pertumbuhan inklusif di kalangan masyarakat kita. Selain memberikan pulangan kewangan kepada pelabur dan pelanggan pembiayaan, pelaburan ini juga memberi manfaat kepada penerima sumbangan atau zakat.

Pasaran pelaburan impak yang berkembang menyediakan modal untuk menangani cabaran-cabaran negara, termasuk menyokong sektor-sektor seperti tenaga boleh diperbaharui, pengangkutan bersih, serta perkhidmatan asas yang terjangkau dan mudah diakses seperti perumahan, penjagaan kesihatan, utiliti, dan pendidikan.

1.6 Objektif Pelaburan

Untuk menyediakan penyelesaian pelaburan yang berbeza berdasarkan kelas aset baru, melabur dalam pembiayaan bukan runcit dan selaras dengan matlamat Pembangunan Lestari Bangsa-Bangsa Bersatu (*UN's Sustainable Development Goals (SDG)*).

1.7 Strategi Pelaburan Dana

Pelaburan risiko sederhana untuk mencapai pemeliharaan modal dan pulangan yang stabil.

1.8 Ciri-Ciri Akaun Pelaburan

Akaun Pelaburan Berjangka yang membolehkan pelanggan melabur dengan tempoh pelaburan tetap selama dua puluh empat (24) bulan, tiga puluh enam (36) bulan atau enam puluh (60) bulan.

1.9 Butiran Aset Pelaburan

Dana akan dilaburkan dalam pelbagai portfolio aset bukan runcit Bank, yang sejajar dengan objektif Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan klasifikasi rangka kerja Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (CCPT) Bank Negara Malaysia (BNM).

Sektor tersebut antara lain terdiri daripada tenaga boleh diperbaharui, pembiayaan hijau, pengangkutan bersih, air bersih dan sanitasi, dan sektor yang menyumbang kepada matlamat bandar dan komuniti lestari.

1.10 Penilaian Aset Yang Diperuntukkan

Penilaian akan dijalankan setiap bulan sebagai sebahagian daripada proses untuk menentukan pulangan kepada pelabur. Pulangan daripada pelaburan ini dipengaruhi oleh prestasi aset yang diperuntukkan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kualiti aset (iaitu pembiayaan terjejas) dan pergerakan Kadar Keuntungan Efektif (EPR) berkaitan aset pembiayaan yang ditetapkan berdasarkan kaedah kadar terapung dan lain-lain. Amaun prinsipal dan pulangan tidak dijamin dan pemegang akaun pelaburan berhadapan risiko tidak mendapat sebarang pulangan. Akaun pelaburan ini tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Walau bagaimanapun, produk ini telah distruktur untuk mengurangkan risiko kehilangan prinsipal. Jika berlaku senario pencairan, pemegang akaun pelaburan akan diberi keutamaan berbanding pendeposit.

1.11 Polisi Pembayaran / Frekuensi Pembayaran Keuntungan

Keuntungan akan dibayar setiap enam bulan sekali.

1.12 Penyata Berhubung Sebarang Perubahan

Tiada perubahan pada objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan dalam tempoh suku tahunan.

1.13 Profil Pelabur

- **Bukan Runcit** (Tidak termasuk rakan kongsi antara bank, perniagaan tunggal, dan Usahawan Kecil dan Sederhana (SME)).
- **Runcit** (terhad kepada Individu Berpendapatan Tinggi).

1.14 Risiko Pelaburan

Para pelabur dinasihatkan supaya mempertimbangkan semua faktor risiko dengan teliti sebelum membuat keputusan pelaburan. Pelabur akan berhadapan risiko berikut; risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan, risiko operasi, risiko undang-undang dan risiko ketidakpatuhan Syariah. Untuk penjelasan lanjut mengenai setiap risiko, sila layari www.bankislam.com.

Salah satu risiko utama yang unik kepada dana ini adalah risiko konsentrasi pelaburan. Risiko konsentrasi pelaburan adalah risiko yang timbul akibat pendedahan yang berlebihan kepada jenis aset tertentu, pihak tertentu, lokasi geografi tertentu, atau faktor lain yang boleh menyebabkan kerugian yang cukup besar sehingga mengancam kedudukan kewangan dana atau entiti tersebut. Oleh sebab pelaburan dalam aset bukan runcit, pendedahan dana kepada satu pihak adalah lebih tinggi, yang seterusnya meningkatkan risiko konsentrasi pelaburan justeru memberi kesan yang lebih buruk terhadap pulangan pelaburan sekiranya berlaku kemerosotan nilai aset.

Sebagai usaha untuk mengurangkan risiko ini, risiko konsentrasi pelaburan dipantau dengan teliti pada peringkat aset pada setiap bulan untuk memastikan ia tidak melebihi 25% seperti yang digariskan dalam Kerangka Akaun Pelaburan Bank Negara Malaysia.


2.0 PENYATA RISIKO

Lembaga Pengarah Bank Islam mempunyai tanggungjawab utama untuk menguruskan risiko operasi dan aktiviti perniagaannya dengan menetapkan kecenderungan dan tahap toleransi risiko yang konsisten dengan objektif keseluruhan perniagaan Bank serta profil risiko yang diingini. Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan bagi Kawalan Risiko untuk memastikan terdapat pengawasan berkesan terhadap pembangunan strategi, dasar, prosedur dan infrastruktur untuk menguruskan risiko Bank.

3.0 PRESTASI DANA

3.1 Saiz Dana

Akaun Pelaburan Lestari Ihsan (ISIA) 3.0
Saiz Dana RM'bilion



Pada Disember 2025, baki dana ISIA 3.0 telah direkodkan sebanyak RM 1.34 bilion.

3.2 Kadar Pulangan

Tempoh	Pulangan Pelaburan (ROI) ¹ % (p.a.)		
	Sebelum Kontribusi kepada Impak Sosial*		
	Tempoh 2 Tahun	Tempoh 3 Tahun	Tempoh 5 Tahun
Oktober	4.20%	4.30%	4.40%
November	4.20%	4.30%	4.40%
Disember	4.20%	4.30%	4.40%

¹ ROI - Berdasarkan Kadar Keuntungan Dijangka (EPR) semasa pelaburan dana atau Kadar Keuntungan Sebenarnya (APR) (mana-mana yang lebih rendah), tertakluk kepada Terma dan Syarat.

*Sumbangan impak sosial sebanyak 2.50% daripada pulangan pelaburan ISIA 3.0 akan disalurkan sama ada kepada Zakat atau Sadaqa House.

Nota: Untuk penjelasan lanjut, sila rujuk Risalah Pendedahan Produk (PDS), Terma & Syarat dan Notis Pengesahan Pelaburan (yang mana berkenaan).

3.3 Sejarah Kadar Pulangan



¹ ROI (sebelum) – Pulangan Pelaburan (ROI) % (p.a.) sebelum sumbangan impak sosial


² ROI (selepas) – Pulangan Pelaburan (ROI) % (p.a.) selepas sumbangan impak sosial

Nota: Kadar di atas adalah kadar purata pulangan dalam peratusan (%) bagi setiap suku tahunan.

3.4 Penyata Pendapatan


Penyata Pendapatan Bagi Suku Tahun Berakhir 31 Disember 2025			
	Okt	Nov	Dis
	RM'000	RM'000	RM'000
Jumlah Pendapatan Kasar	5,421	5,228	5,438
Pendapatan Boleh Agih Bersih	5,509	4,942	6,022
Jumlah yang diperuntukkan kepada Pemegang Akaun Pelaburan (sebelum kontribusi kepada impak sosial)	4,857	4,701	4,857

3.5 Peruntukan Aset Mengikut Sektor




Peruntukan aset berada dalam objektif pelaburan dan strategi yang dinyatakan.

3.6 Portfolio Pembiayaan Mengikut Baki Tempoh Matang Aset



Sebahagian besar portfolio pembiayaan mempunyai tempoh matang lebih daripada 10 tahun. Ini akan memastikan kestabilan dalam aliran keuntungan portfolio untuk tempoh pelaburan tetap 2, 3 dan 5 tahun, yang kemudiannya boleh memberi manfaat kepada jangkaan pulangan pelaburan IAH.

3.7 Prestasi Kualiti Aset



Sehingga Disember 2025, nisbah Pembiayaan Terjejas Kasar (Gross Impaired Financing, GIF) bagi Perbankan Institusi Kumpulan (Group Institutional Banking, GIB) Bank Islam berada pada paras 1.55%. Portfolio Aset Dasar ISIA kekal kukuh dengan kualiti aset yang mantap dan tiada tanda-tanda kemerosotan.

4.0 LAPORAN IMPAK SUMBANGAN SOSIAL

ISIA memperkasakan pelabur untuk menggalakkan ekonomi yang positif terhadap alam sekitar yang memperkuat ketahanan alam sekitar dan mempromosikan pertumbuhan masyarakat yang inklusif, serta menggabungkan ciri unik sumbangan impak sosial. Selaras dengan objektifnya sebagai pelaburan impak, ISIA bercita-cita untuk memberikan perbezaan yang bermakna kepada penerima manfaat yang relevan, di samping mencipta kekayaan untuk para pelabur.

ISIA memasukkan ciri khas di mana 2.50% daripada Pulangan Pelaburan ISIA akan disalurkan sama ada kepada Zakat atau Sadaqa House, dibayar setiap tahun, di mana Bank Islam bertindak sebagai ejen kepada IAH dalam menguruskan peruntukan dan pembayaran sumbangan Zakat atau Sadaqa House bagi pihak IAH:

- **Untuk Individu Muslim:** 2.5% daripada keuntungan akan disumbangkan kepada Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ MAIWP) sebagai pembayaran

Zakat setiap tahun.

- **Untuk bukan Muslim:**

- **Individu:** 2.5% daripada keuntungan akan disumbangkan kepada pemangkin perubahan yang terpilih melalui Sadaqa House.
- **Entiti bukan Individu:** 2.5% daripada keuntungan akan disumbangkan kepada pemangkin perubahan yang terpilih melalui Sadaqa House. Sebagai alternatif, entiti bukan Individu juga boleh memilih untuk menyumbangkan 2.5% daripada keuntungan kepada dana iTEKAD melalui Sadaqa House.

Ringkasan tentang Sadaqa House

Sadaqa House, pemacu kewangan sosial yang diiktiraf di peringkat global, menggerakkan dana filantropi seperti sedekah dan zakat untuk menghasilkan impak positif serta perubahan nyata kepada golongan yang tidak mempunyai akses perbankan serta golongan rentan dalam ekosistem ekonomi Islam yang inklusif di Malaysia.

Sejak penubuhannya pada Januari 2018 hingga Disember 2025, **Sadaqa House** telah mengumpul lebih daripada **RM73.9 juta** dan menyalurkan lebih daripada **RM79 juta** kepada lebih **13,000 penerima manfaat**. Sadaqa House mempunyai dua agenda teras:

- **Keusahawanan** (merangkumi pembiayaan mikro, geran dan program pembangunan): **RM5.51 juta** telah disalurkan dalam S4 2025 kepada **223 usahawan mikro**. Portfolio iTEKAD kami mengekalkan kadar kemerosotan di bawah 5%.
- **Pendidikan** (merangkumi biasiswa dan bantuan kewangan): Dalam S4, **RM2.22 juta** telah diberikan kepada **172 pelajar** yang melanjutkan pengajian tinggi.

Sorotan Impak bagi 2025

Pada tahun 2025, Sadaqa House terus menggerakkan dana untuk memberikan impak yang bermakna, terukur, dan lestari kepada komuniti yang kurang mendapat perhatian.

Lebih daripada **RM28.6 juta** telah disalurkan kepada lebih **3,400 penerima manfaat**, termasuk kira-kira **RM75,000** yang disumbangkan oleh pelabur ISIA.

Pada tahun 2025, Sadaqa House telah memperkenalkan **Dana Manfaat Kumpulan Terpinggir**, untuk menyokong pendidikan berkualiti bagi kanak-kanak daripada komuniti terpinggir, termasuk Orang Kurang Upaya. Bagi tujuan ini, Sadaqa House bekerjasama dengan Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dalam usaha untuk memindahkan pusat operasi mereka di Brickfields dan Gombak ke premis baharu di Menara PERKIM, Kuala Lumpur.

Sokongan berterusan anda membantu mengubah sumbangan menjadi peluang dan membina masa depan yang lebih inklusif.

Layari www.sadaqahouse.com untuk mengetahui lebih lanjut mengenai inisiatif impak kami.

5.0 SOROTAN & PROSPEK PASARAN

5.1 Prospek Ekonomi

Pertumbuhan ekonomi Malaysia pada 3Q2025 melebihi jangkaan, berkembang dengan ketara sebanyak 5.2% berbanding 4.4% pada dua suku sebelumnya, menjadikan purata pertumbuhan kepada 4.7%. Prestasi yang lebih kukuh ini didorong oleh peningkatan sederhana dalam eksport bersih serta pemulihan sektor perlombongan. Namun, pertumbuhan dijangka sederhana pada 4Q2025 apabila aktiviti pembelian awal berkurang dan tarif A.S. mula memberi tekanan yang lebih jelas terhadap aliran perdagangan. Akan tetapi, jualan hujung tahun dan musim perayaan mungkin sebahagiannya menyokong pertumbuhan.

Secara keseluruhan, prestasi 3Q2025 yang lebih baik telah mendorong kami menyemak naik unjuran pertumbuhan KDNK Malaysia bagi 2025 kepada 4.6% daripada 4.2%. Menjelang 2026, risiko penurunan kekal berikutan tarif yang lebih tinggi dan ketegangan geopolitik yang berterusan, namun langkah sokongan dasar kerajaan serta inisiatif "Tahun Melawat Malaysia 2026" berpotensi membantu meredakan kelembapan permintaan luaran.

5.2 Prospek Kelestarian & Iklim

Komitmen kelestarian Bank Islam dibina berasaskan prinsip Maqasid Syariah yang mendalam dan berpandukan rangka kerja Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI). Nilai-nilai asas ini bukan sahaja menjadi panduan kepada misi Bank Islam untuk mewujudkan nilai jangka masa panjang dan bertanggungjawab yang melebihi sasaran kewangan, bahkan memberikan impak sebenar dan bermakna dari sudut sosial, alam sekitar dan ekonomi.

Selaras dengan prinsip Syariah yang berteraskan pemeliharaan iman, kehidupan, intelek, keturunan dan harta, Bank Islam turut menerapkan keadilan, ketelusan dan perkongsian risiko yang adil dalam kesemua tawaran kewangannya. Bank Islam juga komited dalam memastikan aktiviti kewangan yang dijalankan tidak melibatkan praktis ketidakpastian yang berlebihan (gharar) atau sektor yang tidak mematuhi prinsip Shariah (haram). Pendekatan berasaskan nilai ini, meletakkan Bank Islam sebagai peneraju dalam praktis kewangan yang beretika dan bertanggungjawab, memupuk pertumbuhan inklusif, memperkasakan komuniti dan menyokong peralihan Malaysia ke arah ekonomi yang rendah karbon dan lebih berdaya tahan.

Kewangan Berteraskan Nilai: Pertumbuhan Kewangan Beretika dan Lestari yang berpandukan konsep VBI

Pendekatan kewangan lestari Bank Islam adalah berpandukan aspirasi negara, kepatuhan terhadap ekspektasi badan pengawal selia serta amalan terbaik industri, sejajar dengan fokus Akaun Pelaburan Ihsan dalam membiayai inisiatif yang menyokong peralihan Malaysia ke arah ekonomi hijau, ekonomi kitaran dan berasaskan inovasi.

ISIA, menawarkan pelaburan impak berasaskan nilai, yang menyediakan platform unik kepada pelabur patuh Syariah untuk

menyokong aset yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (UN SDG PBB). ISIA turut menawarkan peluang kepada para pelabur untuk menyumbang kepada impak sosial melalui medium zakat dan *Sadaqa House*, dengan cara memperuntukkan sebanyak 2.5% daripada keuntungan pelabur disalurkan terus bagi tujuan amal. Ini adalah bagi memastikan pelabur bukan sahaja dapat memperoleh pulangan pelaburan yang kompetitif, bahkan menyumbang kepada impak sosial sebenar.

Sejak diperkenalkan, ISIA telah menarik penyertaan pelabur yang begitu memberangsangkan. ISIA juga telah mengumpul lebih RM1.8 bilion melalui ISIA 1.0, 2.0, 3.0 dan 4.0, dan menyumbang secara signifikan ke arah pencapaian sasaran Kewangan Mampan Bank Islam sebanyak RM28 bilion menjelang akhir 2025. Berdasarkan momentum ini, ISIA 3.0 & 4.0 yang dilancarkan pada 2025, menampilkan peningkatan dari segi ketelusan impak, pelaporan kepada para pelabur serta berlandaskan rangka kerja kebangsaan bagi sektor kewangan seperti Taksonomi Berasaskan Prinsip dan Perubahan Iklim (Climate Change and Principle-based Taxonomy, CCPT) BNM. ISIA 3.0 & 4.0 juga mengekalkan struktur *Wakalah bil Istithmar* dalam menyelaraskan dan mengukuhkan pematuhan kepada prinsip Syariah disampingkan mengukuhkan integrasi elemen ESG.

Sehingga suku keempat 2025, Bank Islam telah melepasi sasaran Kewangan Mampan sebanyak RM28 bilion, mencapai jumlah keseluruhan portfolio sebanyak RM28.8 bilion, yang merangkumi kedua-dua aset pembiayaan dan perbendaharaan yang sejajar dengan kriteria kemampunan yang ditetapkan. Aset-aset ini disalurkan ke dalam pelaburan dan projek yang mempromosikan tenaga boleh diperbaharui, kecukupan tenaga, perumahan mampu milik, pembangunan komuniti dan inisiatif lain yang memberi impak positif, selaras dengan matlamat kelestarian negara dan komitmen Bank dalam menggerakkan modal untuk menyokong peralihan yang adil dan inklusif.

Peralihan Tenaga Nasional: Isyarat dan Peluang Strategik

Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) Malaysia, yang dilancarkan pada Julai 2025, telah memperlihatkan anjakan strategik dalam memacu keutamaan pembangunan negara ke arah yang lebih mampan dan inklusif. Di bawah kerangka Ekonomi MADANI, RMK13 memperkukuh tumpuan kepada kelestarian, daya saing dan kemakmuran bersama disokong oleh pelan seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) yang menetapkan arah jelas untuk peralihan karbon rendah Malaysia.

Antara inisiatif utama di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Kebangsaan (National Energy Transition Roadmap, NETR) adalah termasuk komitmen untuk tidak lagi meluluskan loji janakuasa arang batu baharu tanpa teknologi pengurangan pelepasan karbon. Langkah ini memnunjukkan peralihan pantas dan strategik ke arah tenaga bersih.

Bank Islam menyokong hala tuju nasional ini melalui komitmen untuk menghentikan sepenuhnya pembiayaan berkaitan arang batu menjelang 2030, selari dengan Kerangka Pengurusan Risikoklim Kumpulan dan komitmen Bank terhadap Matlamat

Sifar Bersih menjelang 2050. Pendekatan ini mencerminkan usaha berterusan Bank dalam mengurangkan pendedahan kepada sektor berisiko tinggi dari sudut kelestarian.

Pendekatan proaktif ini bukan sahaja membantu melindungi kestabilan kewangan Bank daripada risiko berkaitan iklim tetapi turut memperkuat reputasi Bank sebagai institusi patuh Syariah bertanggungjawab dan komited dalam mewujudkan nilai jangka panjang positif serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih lestari.

Bagi meyakinkan aspirasi iklim dan aspirasi sifar bersih, Bank Islam telah melaksanakan strategi pengurusan pelepasan karbon dari operasinya yang lebih komprehensif untuk mencapai keneutralan karbon menjelang 2030. Strategi ini menumpukan kepada pengurangan berterusan dan penambahbaikan kecekapan tenaga. Melalui inisiatif seperti menaik taraf kecekapan tenaga dan pemasangan sistem solar fotovoltai (PV), Bank telah mencatatkan pengurangan pelepasan karbon dari operasinya sebanyak 55% berbanding aras awal pada tahun 2023 iaitu 12,099 tCO₂e. Ini membuktikan peningkatan yang lebih baik dalam usaha mengurangkan pelepasan karbon operasi Bank sambil mempromosikan amalan alam sekitar yang lebih bertanggungjawab.

Penyelarasan terhadap Ekspektasi Badan Pengawal Selia & Tadbir Urus Iklim

Bank Islam akan terus memastikan elemen perubahan iklim diambil kira dalam kerangka tadbir urus dan pengurusan risikonya, sejajar dengan perkembangan ekspektasi badan pengawal selia. Pendekatan ini termasuklah memastikan kepatuhan terhadap kerangka utama seperti Taxonomi Perubahan Iklim dan Berasaskan Prinsip (CCPT), Dasar Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario (CRMSA 2.0), serta Kerangka Pelaporan Kelestarian Nasional (NSRF).

Perkembangan ini menggalakkan institusi kewangan untuk mengukuhkan lagi pengawasan terhadap risiko dan peluang iklim, mengambil kira aspek pengurusan pelepasan karbon pelanggan yang dibiayai, dan mewujudkan strategi peralihan yang lebih berkesan untuk menyokong pembangunan ekonomi yang mampan.

Pada masa yang sama, Bank Islam juga telah melaksanakan projek Pelan Peralihan Iklim (Climate Transition Plan, CTP), yang bertujuan untuk mengutamakan pengurusan pendedahan pembiayaan terhadap sektor berintensiti karbon tinggi, dan menetapkan sasaran dekarbonisasi serta memperluas pembiayaan hijau dan peralihan.

Bank Islam akan terus meningkatkan pembiayaan beretika dan bertanggungjawab, mengukuhkan tadbir urus risiko iklim dan menyokong usaha peralihan Malaysia kepada ekonomi rendah karbon dan mampan, termasuklah melalui ISIA, yang memperkasakan pelabur untuk memacu kemakmuran inklusif, meningkatkan daya tahan alam sekitar, dan memupuk penciptaan nilai beretika dan jangka panjang.